

PAS ALUKAN PELUANG JUMPA MAHATHIR

Kerajaan Kelantan
memang mahu
berbaik dengan
Pusat – Subky

(P)

29 MAY 1991

KUALA LUMPUR 28 Mei — Pas berkata bahawa peluang bagi Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk berjumpa Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, Khamis ini sebagai pertemuan antara "kerajaan dengan kerajaan."

Ketua Penerangan Pas Pusat, Haji Subky Latiff berkata hari ini, Kerajaan Kelantan memang menunggu-nunggu untuk mengadakan hubungan baik dengan Kerajaan Pusat.

"Orang-orang di Kelantan, khususnya yang menyokong Angkatan Perpaduan Ummah berkehendakan hubungan antara kerajaan negeri itu dengan Kerajaan Pusat berjalan baik," katanya pada persidangan akhbar mengenai Mukhtamar Agung Pas ke-37 di pejabat akhbar *Harakah* di sini.

Menerima jemputan

Haji Nik Abdul Aziz berkata semalam, beliau sudahpun menerima jemputan untuk menghadiri majlis perasmian Jambatan Pasir Mas-Salor oleh Perdana Menteri pada hari berkenaan dan (beliau) akan menghadirinya.

Ia merupakan lawatan rasmi pertama Dato' Sri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri ke Kelantan sejak pilihanraya umum Oktober lepas, yang menyaksikan Angkatan Perpaduan Ummah yang menggabungkan Pas, Semangat 46, Hamim dan Berjasa menewaskan Barisan Nasional untuk menguasai pemerintahan negeri itu.

Haji Subky berkata, adalah terlalu awal untuk menyatakan perkembangan selanjutnya daripada pertemuan antara Dato' Sri Dr. Mahathir dengan Haji Nik Abdul Aziz itu.

"Pertemuan itu adalah atas dasar antara kerajaan dengan kerajaan dan tidak ada kaitan langsung dengan soal parti," katanya.

PAS ALUKAN PELUANG JUMPA MAHATHIR

29 MAY 1991

Walaupun mempunyai aturcara parti pada hari yang sama, Haji Nik Abdul Aziz bersedia menghadiri majlis perasmian jambatan itu kerana beliau sudah lama berusaha untuk menjalinkan hubungan baik dengan Kerajaan Pusat, kata Haji Subky.

"Sepatutnya Haji Nik Aziz tidak berada di sana pada hari itu kerana ada mesyuarat parti di sini bagi menghadapi muktamar itu tetapi demi menghormati lawatan Perdana Menteri, beliau akan menghadiri majlis perasmian jambatan itu," katanya.

Muktamar Agung Pas bermula dengan muktamar Pemuda Khamis ini dan disusuli oleh persidangan penuh yang akan dirasmikan oleh Yang Dipertua Pas, Haji Fadzil Noor keesokannya.

— Bernama.